

UM121108-Hampir RM1j kos tanam bakau

Oleh KAMIL MASLIH

PONTIAN 11 Nov. - Kerajaan memperuntukkan RM950,000 bagi program penanaman semula hutan pokok bakau di kawasan seluas 42.6 hektar di seluruh negeri Johor pada tahun ini yang bertujuan sebagai penampungan sebarang ancaman bencana tsunami.

Pengarah Perhutanan Johor, Zulkefli Mohktar berkata, pihaknya giat melaksanakan penanaman semula itu dari semasa ke semasa dengan tahun lalu ia melibatkan kawasan sebanyak 30 hektar.

"Bagi penanaman semula pokok-pokok bakau pada tahun ini, kami telah mendapat peruntukan sebanyak RM600,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan RM350,000 daripada kerajaan negeri.

"Ini adalah peningkatan daripada segi peruntukan memandangkan tahun lalu kami mendapat peruntukan RM400,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan RM300,000 daripada kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 peringkat negeri Johor di Taman Negara Johor Tanjung Piai, di sini hari ini.

Program berkenaan berjaya menghimpun lebih 60 pelajar sekolah dari Johor Bahru dalam mempergiatkan penglibatan masyarakat untuk bersama-sama menjaga kepentingan hutan pokok bakau.

Menurut Zulkefli, selain daripada penampungan bencana tsunami, hutan bakau juga berpotensi meningkatkan pembiakan hidupan marin sekali gus menyumbang pendapatan kepada golongan nelayan.

"Bagi negeri Johor, tumpuan dalam penanaman hutan bakau ini adalah bagi kawasan di pantai barat dan kami bukannya buat selapis malah berlapis-lapis.

"Pelbagai spesies pokok telah ditanam semula dan ia merangkumi spesies pokok bakau minyak, bakau kurap dan pokok api-api," katanya.



sebahagian pelajar menanam anak pokok bakau sempena kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 peringkat negeri Johor di Tanjung Piai, Pontian, semalam.

Beliau memberitahu, dari semasa ke semasa, pihaknya menjalin kerjasama erat dengan pelbagai jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam memulihara hutan bakau.